

19 JAN 1996

JAWATAN KETUA MENTERI TIDAK DIBINCANG OLEH MAJLIS TERTINGGI

MELAKA, 19 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani enggan mengulas laporan sebuah akhbar harian hari ini yang melaporkan kesediaan beliau melepaskan jawatannya itu.

"Tidak ada apa yang perlu dikomen," katanya ringkas semasa ditemui oleh pemberita selepas melawat projek pembinaan bangunan ibupejabat Umno Melaka di Jalan Hang Tuah di sini.

Akhbar itu memetik Zin sebagai berkata beliau akan berundur jika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memutuskan untuk menarik balik perlantikan sebagai Ketua Menteri.

Laporan itu cuba mengaitkan kedudukan Zin dengan keputusan Majlis Tertinggi Umno yang memutuskan bekas Ketua Menteri Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berhak kembali sebagai Ketua Pemuda.

Zin yang juga Pengerusi Perhubungan Umno negeri semasa menyatakan sokongan Umno negeri terhadap keputusan Majlis Tertinggi pada persidangan akhbar Rabu menyebut bahawa mesyuarat Majlis Tertinggi hanya membincangkan soal jawatan ketua pemuda.

Mengenai projek berkenaan, Zin berkata pembinaan bangunan sembilan tingkat yang menelan kos kira-kira RM12 juta itu berjalan lancar dan dijangka siap menjelang Jun ini.

Kos projek itu dibiayai sepenuhnya oleh Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) yang kemudian akan memajak sebahagian daripada bangunan itu selama 38 tahun bagi menempatkan cawangan operasi dan pusat latihan bank itu, katanya.

Umno negeri akan menggunakan sebahagian lagi bangunan yang akan dikenali sebagai Graha Umno itu untuk menempatkan pejabat Umno negeri dan untuk tujuan sewa.

Bangunan seluas kira-kira 8,300 meter per segi itu merupakan bangunan pertama di sini yang dibina menggunakan sistem kejuruteraan pasang siap. -- Bernama